

Sinar Horian

29/05/2010

M/S 58



● Savatharajnaair menunjukkan sampah yang berlonggok di sebuah premis kosong di flat berkenaan yang turut menimbulkan bau kurang menyenangkan.

Flat kotor, penduduk sengsara

SEGAMPUT - Kotor dan tidak selesa! Itu rungutan yang sentiasa diutarakan penduduk di Flat Kos Rendah Jalan Udang Harimau dekat sini, malah mereka turut dibebani dengan bil tunggakan air berjumlah ribuan ringgit.

Penduduk mendakwa pihak pengurusan tidak menjalankan tanggungjawab apabila bil air tidak diserahkan kepada penduduk setiap bulan sehingga menyebabkan mereka dibebani bil tunggakan.

Tinjauan Sinar Harian mendapati kawasan di flat yang mempunyai 200 unit rumah itu tidak terurus, di mana sampah sarap dilonggokkan di premis kosong bangunan itu.

Seorang penduduk yang ditemui, L Savatharajna, 33, berkata, penduduk tidak akan menanggung tunggakan bil air yang banyak sekiranya pihak pengurusan menyerahkan bil air setiap bulan kepada penghuninya.

"Mereka tidak pernah serahkan bil kepada penduduk sejak pihak pengurusan baru mengambil alih dua tahun yang lalu menyebabkan masalah bil air tertunggak ini timbul.

"Saya turut terkejut apabila diberitahu saya mempunyai tung-

“Dua anak saya diserang denggi tahun lalu disebabkan kawasan flat yang tidak terurus sehingga menjadi pusat pembiakan nyamuk Aedes.

Kami sudah membuat aduan kepada pihak pengurusan dan pihak berwajib berhubung perkara ini, namun tiada sebarang tindakan diambil pihak terbabit."

gakan bil air dan penyelenggaraan berjumlah RM2,900 malah flat ini masih menggunakan meter pukal berikutan masalah spesifikasi paip yang digunakan di sini," katanya.

Menurutnya, dia tidak pernah menerima bil air daripada pihak pengurusan dan apa buktinya yang menyokong tentang isu tunggakan bil air itu sedangkan kami tidak pernah menerima sebarang bil daripada pihak terbabit.

Manakala bekas pesara tentera, N Manchor, 50, berkata, dua anaknya diserang denggi tahun lalu disebabkan kawasan flat di situ yang tidak terurus sehingga menjadi pusat pembiakan



- Penduduk, N Manchor

nyamuk Aedes.

"Kami sudah membuat aduan kepada pihak pengurusan dan pihak berwajib berhubung perkara ini, namun tiada sebarang tindakan diambil pihak terbabit," katanya.

Menurutnya, dia khawatir sekiranya masalah kebersihan di flat itu tidak diambil berat, nescaya akan menjadi bertambah parah seterusnya mengancam kesejahteraan penduduk di sini.

Selain itu penduduk turut tidak berpuas hati apabila pihak pengurusan didakwa tidak menjaga kebersihan kawasan menyebabkan mereka mempertikaikan bayaran penyelenggaraan sebanyak RM50 setiap bulan.

JMB nafi dakwaan penduduk

Sementara itu, Pengerusi Badan Pengurusan Bersama (JMB) Hawasa Khan menafikan dakwaan penduduk berhubung isu kebersihan dan tunggakan bil air mereka.

Menurutnya, jumlah amaun air yang sudah dikira, ditulis di dalam resit pembayaran, penduduk boleh datang menyemak bil air masing-masing di pejabat JMB yang beroperasi pada jam 9 pagi hingga 110 malam," katanya.

Katanya, masalah utama bil tidak dapat disediakan berikutan pihak pengurusan tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk mencetak bil air bagi setiap unit rumah di situ yang memerlukan kos yang tinggi.

"Ramai penduduk di sini liat untuk membayar duit penyelenggaraan menyebabkan kami kekurangan dana untuk tujuan mencetak bil itu," katanya.

Difahamkan kesemua ahli JMB bekerja secara sukarela, justeru komitmen hanya boleh diberikan selepas waktu pejabat sahaja.

Mengulas isu kebersihan di flat itu yang didakwa kotor dan tidak selesa, beliau berkata, ia juga ber-

punca daripada sikap penduduk yang suka membuang sampah merata-rata.

"Kita sudah bersihkan kawasan kediaman di sini, namun masalah itu berulang seperti tiada kesudahannya terutama sampah yang dibuang di kawasan tangga kecemasan dan ruangan rumah kedai yang kosong," katanya.

Berhubung penggunaan paip air di flat itu yang tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan menyebabkan meter individu tidak dapat ditukar, wakil pemaju perumahan di situ, Allan Lim ketika dihubungi berkata, Syabas tidak pernah memaklumkan mengenai spesifikasi paip sewaktu bangunan itu hendak mula dibina dahulu.

"Kita akan hantar wakil untuk bertemu dengan pihak Syabas bagi membincangkan tentang perkara ini," katanya.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Segambut, Lim Lip Eng berkata, bagi mencari jalan penyelesaian terhadap masalah di situ, satu pertemuan bersama pihak pemaju, badan pengurusan bersama (JMB) dan penduduk akan diatur.



● Tungkang di atas bumbung pencawang TNB di flat ini didakwa menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes.